

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 30 April, 2019 9:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DME Award 2019 Serlahkan Daya Pemikiran Kritis Mahasiswa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2019 / 24 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zarith Sofea Zaharin
Gambar oleh: SMMTC

DME AWARD 2019 SERLAHKAN DAYA PEMIKIRAN KRITIS MAHASISWA



UUM ONLINE: Penciptaan bahan visual dan audio dalam dunia digital media mampu menarik minat pelajar dalam sudut pembelajaran serta menjana pendapatan sendiri sehingga ke luar kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, pelajar bukan sahaja kreatif tetapi mempunyai daya fikir kritis dalam menghasilkan produk digital media kerana dunia capaian internet pada waktu ini semakin pantas dan fleksibel.

Menurutnya, kecenderungan pelajar terhadap dunia digital membolehkan mereka menggabungkan teknologi dan kemahiran yang dipelajari di universiti bagi diterjemahkan sebagai sumber pendapatan semasa di kampus atau di luar kampus.

“Belajar sambil menjana pendapatan mampu dilaksanakan secara serentak apabila pelajar dapat menguasai ilmu media digital kerana keperluan menjadi ‘tukang viral’ secara positif semakin terbuka dewasa ini.

“Penghasilan bahan-bahan visual yang kreatif merupakan medium penyampaian maklumat yang semakin memenuhi citarasa masyarakat yang lebih cenderung kepada media sosial dan media digital,” katanya pada Majlis Digital Media Entrepreneur Award (DME Award) 2019 di Hotel Star City, Alor Setar, baru-baru ini.

Beliau berkata, DME Award 2019 memberi nilai tambah kepada kompetensi dan potensi pelajar agar menjadi modal insan yang berdaya saing.

DME Award 2019 anjuran Digital Intergrated Newsroom (DIN) Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dengan kerjasama Persatuan Teknologi Media (PERMEDIA) dan Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC) itu melibatkan 500 penyertaan dalam program Digital Media Entrepreneur Competition (DMEC) yang menilai bahan seperti berita, rencana, program radio dan televisyen (TV) serta platform media sosial lain seperti FB Live, PSA dan blog membabitkan 26 kategori yang dipertandingkan termasuk Kategori Alumni Media Digital.

Sementara itu, Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak berkata, Digital Intergrated Newsroom yang diwujudkan di SMMTC sebagai pusat pembelajaran dan pengajaran dalam bidang media menyediakan platform digital media seperti www.sintoknews.com merupakan portal berita dan video berita dan www.sintokradio.com bagi penyiaran radio serta podcast.

“Arus perubahan media begitu cepat dan mendadak, justeru setiap laman web harus mempunyai elemen penulisan, video dan audio dan kita telah mewujudkan domain www.sintoknewstv.com bagi membolehkan elemen penulisan dan video dilaksanakan dalam platform yang sama.

“Selepas dua tahun pelaksanaan, DIN telah mengorak langkah dengan menganjurkan Pertandingan Digital Media Entrepreneur bagi menghargai dan mengiktiraf kreativiti dan kesungguhan pelajar dalam bidang media,” katanya.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin dan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.